

# UPM adakan lawatan ke Nippon Paint (M) Sdn. Bhd., medium efektif galakkan suasana PdP yang aktif dan produktif



**SERDANG, 8 Feb** – Pelajar tahun tiga Bachelo Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Site Visit Programme to Nippon Paint (M) Sdn. Bhd. sebagai medium efektif untuk menggalakkan suasana pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang produktif dalam kalangan mahasiswa.



Pensyarah Kanan, Jabatan Kimia, Fakulti Sains, UPM, Dr. Ernee Noryana Muhamad berkata, lawatan ini bertujuan untuk membantu pelajar untuk lebih memahami proses penghasilan produk berasaskan bahan kimia organik dan teknologi yang digunakan dalam industri pada masa ini.

“Pengalaman itu membolehkan pelajar melihat secara langsung proses pembuatan sesuatu bahan serta peralatan yang digunakan bagi menguji kualiti cat, proses pencampuran dan produk penyalutan permukaan lain.



“Pelajar turut diberikan penerangan secara am mengenai bahan asas produk, tugas seorang ahli kimia dan juga peluang pekerjaan dan latihan industri yang ditawarkan oleh pihak Nippon Paint (M) Sdn. Bhd.,” katanya.

Beliau berharap lebih banyak industri memberikan kerjasama terhadap inovasi PdP dalam kalangan warga institut pengajian tinggi (IPT) untuk menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran.



Sementara itu, pelajar Bacelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian, Fakulti Sains, UPM, Luqman Hakim Naim berkata, pengalaman praktikal ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam dalam pengaplikasian pengetahuan teoritikal di bilik kuliah secara praktikal.

“Melalui lawatan ini pelajar bukan sahaja diberikan peluang untuk menghubungkan pemahaman teori dan praktikal melalui aktiviti *hands-on* yang disediakan malah pelajar turut diberikan peluang untuk menimba pengalaman serta memahami proses kerja dalam persekitaran dunia kerjaya yang sebenar,” katanya.